

**SULIT**  
**1103/2 (PP)**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Peraturan**  
**Pemarkahan**  
**Ogos 2008**

**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU**

**1103/2 (PP)**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan satu halaman tidak bercetak

**1103 / 2 (PP)**

**[ Lihat sebelah**  
**SULIT**

## Kertas 2

Markah penuh Kertas 2 adalah 110 markah

## Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [ 20 markah ]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	16	
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

(v) Jawapan dalam bentuk poin, beri markah isi. Tolak 50% markah bahasa daripada markah sepatutnya.

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
<b>Baik</b>	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca / ejaan betul
<b>Sederhana</b>	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 5	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca / ejaan juga memuaskan
<b>Lemah</b>	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

Nota :

- (i) Jika bahasa agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang 120 perkataan, markah tidak dipotong.

## Pendahuluan / Pengenalan [2 markah]

- |  |   |
|--|---|
| 1. Petikan membincangkan usaha- usaha/ cara-cara untuk meningkatkan pengeluaran padi di negara kita                                | 2 |
| 2. Petikan membincangkan peranan kerajaan meningkatkan pengeluaran padi di negara kita   | 2 |
| 3. Petikan membincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan pengeluaran padi negara dan faedah-faedah peningkatannya kepada negara | 0 |

## Isi Tersurat [4 – 12 markah]

## Markah

- |  |   |
|--|---|
| 1. pelaburan yang besar membina infrastruktur  | 2 |
| 2. kerja penyelidikan juga dipertingkatkan dalam usaha menghasilkan benih padi yang bermutu  | 2 |
| 3. pesawah diberi subsidi berdasarkan kuantiti yang dijual   | 2 |
| 4. kerajaan membangunkan jelapang padi baru di Sabah dan Sarawak   | 2 |
| 5. usaha- usaha untuk memulihkan kawasan yang sudah terbiar  | 2 |
| 6. membuka kawasan pengeluaran baru sudah tentunya memerlukan pelaburan besar  | 2 |
| 7. infrastruktur (seperti saliran dan perparitan perlu dibina)   | 2 |
| 8. memerlukan pengambilan tanah jika kawasan baru hendak dibuka  | 2 |
| 9. penyelidikan yang bertumpu kepada Variati Berhasil Tinggi yang dijangka meningkatkan produktiviti dan menaikkan tahap sara diri.. | 2 |

## Isi Tersirat [4 – 12 markah]

## Faedah peningkatan;

- |   |   |
|---|---|
| 1. harga padi terkawal  | 2 |
| 2. kurang kebergantungan kepada negara luar / kurang import beras | 2 |
| 3. bekalan / stok dalam negara terjamin                           | 2 |
| 4. taraf hidup rakyat meningkat                                   | 2 |
| 5. kurang tanah terbiar   | 2 |

## Kesimpulan/Penutup [2 markah]

- |   |   |
|---|---|
| 1. Kesimpulannya, kerajaan / pihak berkenaan perlu memainkan peranan untuk memajukan sektor beras negara demi kesinambungan keperluan generasi masa depan | 2 |
| 2. Oleh itu, kerjasama semua pihak diperlukan dalam usaha memajukan sektor padi negara supaya bekalan beras negara sentiasa mencukupi.                    | 2 |

## Soalan 2

Markah penuh 35 dibahagi kepada:

Soalan 2(a)	-	9 markah
Soalan 2(b)	-	9 markah
Soalan 2(c)	-	8 markah
Soalan 2(d)	-	9 markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap
3. Jika disalin bulat- bulat daripada teks dan jawapan itu tepat / betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
4. Kesalahan bahasa dan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah daripada markah keseluruhan yang diperoleh daripada setiap ceraiian soalan.
5. Jawapan bagi soalan 2(b), 2(c) dan 2(d) mestilah berdasarkan teks **Komponen Kesusasteraan Melayu** yang ditetapkan.
6. Jawapan dalam bentuk "point" tolak  $\frac{1}{2}$  markah daripada markah keseluruhan yang diperoleh daripada setiap soalan.

Soalan 2(a)

(i) Maksud rangkai kata kurang berdaya saing ialah:

- semangat juang lemah

[ Maksimum: 2 markah]

(ii) Kesan;

- pesawah memperoleh subsidi [1 markah]
- mengubah pola pertanian negara [1 markah]
- mewujudkan persaingan sumber [1 markah]
- membangunkan jelapang padi baru [1 markah]

[ Maksimum: 3 markah]

(iii) Masyarakat kurang melibatkan diri dalam sektor pertanian kerana:

- Nilai ekonomi yang rendah [1 markah]
- Kekangan infrastruktur pertanian itu sendiri [1 markah]
- Kurangnya nasihat dan bimbingan pihak berkenaan [1 markah]
- Tanggapan masyarakat [1 markah]
- Berlaku migrasi belia ke bandar [1 markah]
- Tarikan kerja pada sektor lain [1 markah]

[ Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden

- (i) Maksud:  
 - Menerima/ menanggung kepahitan hidup 2  
 [Maksimum: 2 markah]
- (ii) Sebab:  
 - Abah tidak faham perasaannya 1  
 - anggapan dirinya selalu silap / melakukan kesilapan 1  
 - abah tidak pernah cuba mengerti tentang dirinya 1  
 - abah tidak pernah tahu tentang keinginannya 1  
 - abah tidak pernah tahu tentang harapannya 1  
 - abah tidak mengambil berat / tahu tentang masa depannya 1  
 - kecewa dengan keadaan keluarganya 1  
 [Maksimum: 4 markah]
- (iii) Pengajaran :  
 Dalam petikan;  
 - Ibu bapa hendaklah sentiasa memikirkan kebahagiaan anak-anak 1  
 - Kita hendaklah reda dengan ketentuan/ujian Allah 1  
 [Maksimum: 1 markah]
- Dalam cerpen;  
 - Kita hendaklah berfikir secara mendalam dalam melakukan tindakan 1  
 - Manusia hendaklah berusaha untuk memajukan diri sendiri dalam semua bidang 1  
 - Kita perlu mengelakkan daripada membezakan status demi kebahagiaan 1  
 - Kita perlu tabah dalam meningkatkan kerjaya 1  
 [Maksimum: 2 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) Maksud;  
 - burung berjanji akan menyembuhkan penyakit raja 2  
 - burung sahaja yang mampu menyembuhkan penyakit raja 2  
 [Maksimum 2 markah]
- (ii) Cara;  
 - menyatakan budak itu tidak akan kenyang kerana dagingnya sedikit 1  
 - menawarkan dirinya untuk dijual 1  
 - menyatakan dia boleh menjadi tabib 1  
 [Maksimum 3 markah]

- (iii) Pendapat;  
Beli;
- ada ilmu tabib 1
  - berjanji akan mengubati raja 1
  - rasa kasihkan kepada budak itu 1

Atau;

- Tidak beli;
- harganya mahal 1
  - saiz burung itu kecil 1
  - tidak yakin dengan janji burung itu 1

[Maksimum 3 markah]

**Soalan 2 (d) : Petikan Puisi**

- (i) Sebab:
- sikap tidak sabar 1
  - sikap sombong 1
  - beremosi 1
  - cepat bosan 1
  - kesesakan jalan raya 1

[Maksimum : 3 markah ]

- (ii) Langkah:
- perubahan sikap pengguna jalan raya 1
  - mengadakan kempen kesedaran 1
  - menaikkan taraf keadaan fizikal jalan raya 1
  - penguatkuasaan undang-undang 1

[ Maksimum : 3 markah ]

- (iii) Tiga persoalan ialah:
- manusia sering mahu menguasai dan menunjukkan kehebatan masing-masing 1
  - manusia semakin meminggirkan kejujuran dalam hidup mereka kerana pengaruh kuasa dan harta benda 1
  - generasi muda perlu dibimbing untuk menentukan hala tuju dalam kehidupan mereka 1
  - ajaran agama dapat mengembalikan manusia ke jalan yang benar 1

[ Maksimum : 3 markah ]

## Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	:	6 markah
Soalan 3(b)	:	6 markah
Soalan 3(c)	:	6 markah
Soalan 3(d)	:	6 markah
Soalan 3(e)	:	6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

- Beri **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
- Tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / isi** yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.
- Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
- Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
- Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**
- Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak  $\frac{1}{2}$  markah** bagi setiap ayat.
- Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
- Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
- Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.
- Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

- 3(a) (i) semak I - tumbuh-tumbuhan yang kecil-kecil dan rendah-rendah, belukar  
 - ditumbuhi tumbuh-tumbuhan yang kecil-kecil dan rendah  
 - kusut (perasaan, fikiran dan lain-lain), kacau

*Contoh ayat* : "Emak mahu kamu kemaskan bilik kamu yang **semak** ini sekarang juga," kata Puan Maisarah kepada anak lelakinya.

Pencuri kabel elektrik yang dikejar oleh pasukan polis itu telah melarikan diri ke arah **semak** berhampiran lombong tinggal untuk menyembunyikan diri.

- semak II - menyemak, mendengarkan atau memperhatikan (percakapan, bacaan orang) dengan teliti.  
 - mengkaji, meneliti  
 - memeriksa atau meneliti kembali (supaya tidak ada yang salah dan lain-lain), memperhatikan baik-baik.

*Contoh ayat* : "Tolong **semak** setiap minit mesyuarat ini dengan teliti," kata Encik Johari kepada setiausahanya.

[6 markah]

- (ii) rendang I - goreng  
 - sejenis lauk yang dibuat daripada daging dan lain-lain yang dirempah-rempahi (dibubuh santan dan dimasak sampai kering)

*Contoh ayat* : Pada Hari raya Aidilfitri tahun lepas Mak Sarah telah menghadirkan lemang dan **rendang** kepada para tetamu yang berkunjung ke rumahnya.

- rendang II - rendah dan banyak daun serta cabangnya

*Contoh ayat* : Setelah penat bekerja di tengah terik matahari, pekerja-pekerja Indonesia itu berehat dengan berteduh di bawah pohon tembusu yang **rendang**.

- (iii) pelekat I - sesuatu yang digunakan untuk melekatkan (gam, kanji, dan sebagainya)  
 - helai plastik atau kertas yang mempunyai tulisan atau gambar untuk menandakan sesuatu, biasanya ditampalkan atau dilekatkan pada sesuatu

*Contoh ayat* : Amirul menggunakan cecair **pelekat** untuk menampalkan gambar kartun kesukaannya untuk dijadikan sebagai koleksi.

- pelekat II - kain – sejenis kain sarung ( yang berjalur-jalur atau berpetak-petak coraknya)

*Contoh ayat* : Kain **pelekat** yang menarik dengan corak kotak-kotak itu dibeli oleh Cik Norizan di Pasar Payang untuk dibuat hantaran sempena majlis perkahwinannya nanti.

[6 markah]

3(b) : Pembahagian Pemarkahan:

Markah	Peringkat	Ciri-ciri
5 - 6	Cemerlang	Bina ayat cakap ajuk dengan tepat/betul Susunan isi tertib/tersusun Maksud dan bahasa tepat/betul
3 - 4	Memuaskan	Bina ayat cakap ajuk dengan betul Susunan isi masih betul / tersusun Maksud dan bahasa masih tepat
0 - 2	Lemah	Bina ayat cakap ajuk dengan kurang betul/lemah Susunan isi tidak tersusun Maksud kabur dan bahasa/ tidak tepat

Contoh jawapan :

Marwan : (pulang dengan rasa gembira) Mak! Mak! Marwan dapat masuk universiti.

Mak : Alhamdulillah! Universiti mana yang Marwan dapat?

Marwan : Universiti Kebangsaan Malaysia, mak.

Mak : Bila Marwan kena pergi?

Marwan : Minggu depan, mak.

Mak : Hah, kalau gitu.....malam lusa kita buat kenduri kesyukuranlah, ya!

\* Terima juga jawapan calon yang menulis cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

[6 markah]

- |      |       |                             |        |                             |
|------|-------|-----------------------------|--------|-----------------------------|
| 3(c) | (i)   | pengkayaan<br>matapelajaran | -<br>- | pengayaan<br>mata pelajaran |
|      | (ii)  | memeroses<br>menggunakan    | -<br>- | memproses<br>mengggunakan   |
|      | (iii) | pengkalannya<br>dijadual    | -<br>- | pangkalannya<br>dijadualkan |

[6 markah]

- |      |       |                                |        |   |
|------|-------|--------------------------------|--------|---|
| 3(d) | (i)   | lain-lain hal<br>diberhentikan | -<br>- | hal-hal lain<br>ditangguhkan/ditamatkan |
|      | (ii)  | kanan<br>reaksi                | -<br>- | ke kanan<br>aksi                        |
|      | (iii) | setengah<br>tumpuan            | -<br>- | sesetengah<br>liputan                   |

[6 markah]

3(e)

i. Maksud; paku belanda : harga tetap

Contoh ayat: Kebanyakan harga barangan di kedai Pak Samad itu **paku belanda** dan mahal pula.

- ii. Maksud; bersekutu bertambah mutu : bekerjasama antara satu dengan yang lain dalam melaksanakan sesuatu akan menghasilkan kejayaan yang cemerlang

*Contoh ayat:* "Para pelajar diminta supaya bantu-membantu antara satu dengan yang lain untuk menguruskan kedai koperasi yang baru dirasmikan pembukaannya ini kerana **bersekutu bertambah mutu,**" kata Cikgu Kamaruddin kepada pelajar-pelajar itu.

- iii. Maksud; seperti rumput di tepi jalan: Seseorang yang hidup merempat dan tidak dipedulikan.

*Contoh ayat:* Kehidupan peminta sedekah itu seperti rumput di tepi jalan kerana tiada sesiapa yang mengambil berat terhadapnya.

[6 markah]

#### Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
(iii) Berikan 2 markah untuk 1 huraian nilai yang lengkap (pernyataan nilai dan contoh)  
(iv) Huraian/contoh tanpa menyatakan pernyataan nilai berikan 0 markah  
(v) Markah isi maksimum 4 markah (maksimum 2 markah bagi setiap novel)  
(vi) Markah bahasa maksimum 3 markah  
(vii) Markah bahasa diberikan secara "impression"  
Baik = 3 markah  
Sederhana = 2 markah  
Lemah = 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

## Soalan 4

- (b) (i) Jawapan berdasarkan satu daripada novel yang dipelajari  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap  
(iii) Berikan 2 markah untuk 1 persoalan yang lengkap/jelas  
(iv) Berikan 1 markah untuk 1 persoalan yang kurang lengkap/kurang jelas  
(v) Markah isi maksimum 6 markah  
(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah  
(vii) Markah bahasa diberikan secara "impression"  
Baik = 2 markah  
Lemah = 1 markah  
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa  
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

**Jawapan ( 4 a ):****Novel Terminal Tiga**

1. Kesanggupan Bang Maily membantu Rimpa.
  - membantu Rimpa mendapat tempat belajar di Akademik Seni Kebangsaan.
  - Membantu mengislamkan Rimpa.
  - Membantu Rimpa mendapatkan biasiswa bagi menampung pengajiannya di ASK.
2. Kawan-kawan prihatin terhadap masalah kewangan yang dihadapi Rimpa.
  - Azlina dan Jasmin selalu membantu Rimpa berbelanja di kantin ASK dan perbelanjaan lain di ASK.
3. Keikhlasan dan kesanggupan Ruzaini membantu keluarga Rimpa di kampung.
  - melihat-lihat keluarga Rimpa semasa ketiadaan Rimpa.

(Jawapan-jawapan lain yang sesuai)

Novel Seteguh Karang

1. Kesanggupan Kak Nor membantu Awanis
  - Kak Nor menumpangkan sementara Awanis di rumahnya termasuk pergi dan balik kerja.
2. Keikhlasan dua orang pemuda membantu Awanis
  - Halim dan Zafuan menolong dan memberitahu Awanis cara hendak ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hulu Paka.
3. Keikhlasan Awanis membantu dua orang pekerja ladang Indonesia
  - berbual dan bertanya khabar
  - membantu Budi ketika dipatuk ular

( Jawapan-jawapan lain yang sesuai )

Jawapan ( 4 b ):Novel Terminal Tiga

1. Ketika berada di muka tangga Terminal Tiga, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Rimpa teringatkan ayahnya dan kisah dia boleh memasuki Akademi Seni Kebangsaan di Kuala Lumpur.
2. Rimpa yang baru duduk di kerusi semasa di dalam pesawat MH1626 dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Dia teringat akan kisah semasa dia menguruskan kursus penulisan bersama-sama Bang Maily.
3. Rimpa yang baru duduk di kerusi 21F pesawat MH1626 dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Dia teringat kisah perbualannya dengan Azlina tentang keluarga masing-masing.

4. Ketika Rimpa berada di rumah Bang Maily selepas bersarapan. Rimpa terkenang percakapannya dengan emaknya sebelum dia meninggalkan keluarga untuk pergi ke Kota Kinabalu.
5. Sewaktu Rimpa berada di rumahnya bersama-sama emak dan ayahnya berbincang tentang Ruzaini. Dia teringat kata-kata Ruzaini bahawa tidak akan terpengaruh dengan kumpulan pendakwah yang datang ke kampungnya.

( Jawapan-jawapan lain yang sesuai )

#### Novel Seteguh Karang

1. Awanis sedang berada di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan, dia teringat semula perbualannya dengan Kak Maysarah tentang perasaan masing-masing ketika menghadapi kematian ayah dan ibu mereka.
2. Awanis terkenangkan saat-saat dia baru mendaftar di ITM Arau, Perlis.
3. Awanis teringat pengalaman ditahan polis ketika di stesen bas Kluang, Johor.
4. Awanis mengimbas kembali peristiwa seorang pelajar senior yang cuba memikatnya di kampus.
5. Awanis teringat kembali akan kata-kata Jalal, budak pejabat yang sombong, sewaktu dia menjalani latihan praktikal di Johor.

( Jawapan-jawapan lain yang sesuai )

#### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT